

Sultan tangguh keputusan

10 JAN 1993

KUALA LUMPUR: Raja-raja akan membuat keputusan menerima atau menolak cadangan pindaan Perlembagaan berhubung soal kekebalan raja-raja di segi undang-undang, perkara berkaitan hasutan dan kuasa mengampun, 16 Januari ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, semua raja, kecuali Sultan Kelantan bersejua mengkaji draf berkenaan dalam tempoh se-

minggu, sebelum membuat pendirian dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja pada tarikh berkenaan.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar di pejabatnya selepas mengetuai rombongan pemimpin tertinggi Umno yang mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan raja-raja, di Istana Negara, petang semalam.

Katanya, walaupun beliau tidak boleh merumus-

kan reaksi dan pendirian raja-raja melalui pertemuan kira-kira dua jam itu, mesyuarat berkenaan berlangsung dengan lancar, baik dan berterus terang.

Turut serta dalam rombongan itu ialah Timbalan Presiden Umno, Ghafar Baba, ketiga-tiga Naib Presiden — Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid, Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Seri Na-

jib Tun Razak dan Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Sultan Kelantan tidak hadir atau menghantar wakil dalam mesyuarat itu manakala Sultan Selangor diwakili Pemangku Sultan.

Dr Mahathir menjelaskan, dalam pertemuan itu raja-raja membangkitkan beberapa soalan secara umum dan meminta penjelasan mengenai pindaan berkenaan.

"Kita buat penerangan

sejelas-jelasnya mengenai sebab dibuat cadangan pindaan itu. Pada pihak raja pula membuat teguran atau memberi pandangan yang berasas kepada tanggapan mereka terhadap pindaan itu.

"Walaupun perbincangan ini tidak konklusif, tidak bermakna pindaan ini ditolak atau diterima," katanya.

Diminta mengulas mengenai tanggapan raja-raja

LIHAT MUKA 2

Kerajaan sedia hadapi sebarang kemungkinan

DARI MUKA 1

KEM 10 JAN 1998

mengenai pindaan itu, Dr Mahathir berkata: "Mereka ingin tahu kenapa pindaan dibuat."

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir perkara (pindaan) ini mudah kerana kita sudah jangka raja-raja akan memikir secara mendalam sebelum membuat keputusan."

Kepada soalan kemungkinan Majlis Raja-Raja menolak cadangan draf pindaan itu, Perdana Menteri berkata: "Umno dan Kabinet sudah mengambil keputusan bahawa kita akan membawanya ke Parlimen dan membahaskannya."

Dewan Rakyat akan mengadakan sidang khas untuk membahaskan draf pindaan Perlembagaan itu pada 18 dan 19 Januari manakala Dewan Negara, pada 20 Januari.

Menjawab soalan lain, beliau berkata: "Tidak ada draf yang menjadi undang-undang kecuali diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong."

Dr Mahathir menegaskan, kerajaan sedia menghadapi sebarang tindakan pihak tertentu termasuk kemungkinan parti pembangkang yang akan mengambil tindakan mahkamah berhubung pindaan itu.

"Kalau dia boleh (mahu) dia boleh bawa ke mahkamah. Kita terpaksa menghadapi sebarang kemungkinan. Kita tidak boleh menganggap mereka tidak melakukannya kerana kadang-kadang pihak pembangkang akan melakukan sesuatu walaupun sebenarnya tidak mampu melakukannya."

"Itu adalah sifat semula jadi pembangkang yang

sentiasa membangkang," katanya.

Perdana Menteri tiba di Istana Negara kira-kira jam 2.56 petang.

Sementara itu, ketika MT Umno bermesyuarat di Ibu Pejabat Umno pada sebelah pagi, raja-raja Melayu, termasuk Sultan Kelantan dan pemangku sultan mengadakan perjumpaan khas di Istana Negara.

Perjumpaan dua jam itu bermula kira-kira 10.30 pagi.

Difahamkan, Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Pemangku Raja Perak, Raja Nazrin turut hadir pada perjumpaan itu.

Pemangku Sultan Selangor, Raja Muda Selangor mendahului raja-raja lain tiba di Istana Negara pada 10.20 pagi.